KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

# "KERATAN AKHBAR KESUMA"

## RABU
## 9 OKTOBER 2024

| | |
|---|---|
| **Akhbar** | **Harian Metro** |
| **Tarikh** | **9 Oktober 2024** |
| **Ruang** | **Lokal** |
| **Muka Surat** | **23** |

**KOHORT PERTAMA VETERAN MYWIRA**

# Dedikasi wira kita bukan ‘kaleng-kaleng’

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof
am@hmetro.com.my

**Batu Kawan**

Kisah seorang veteran Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang sanggup kembali melapor diri ke tempat kerja selepas ditimpa kemalangan membabitkan treler mencuri tumpuan ramai pada Majlis Pengiktirafan Kohort Pertama Veteran MyWIRA di sini, baru-baru ini.

Pada kejadian kira-kira jam 7 pagi dalam hujan lebat itu, Mohd Daniel Abdullah, 44, menunggang motosikal dari rumahnya di Air Tawar, Perak untuk menghadiri program latihan sebelum diterima menyertai syarikat Micron Memory Malaysia (Micron) di sini.

Dia yang pernah berkhidmat selama 21 tahun dalam TLDM turut berkongsi hampir sebahagian tubuhnya di bahagian sebelah kanan cedera dan berdarah akibat jatuh berguling di atas jalan selepas dihimpit treler yang terbabas berdekatan kawasan Sungai Bakap, 12 Julai lalu.

Menteri Sumber Manusia Menteri Sumber Manusia Steven Sim Chee Keong pada sesi sembang santai bersama veteran berkenaan meluahkan rasa kagum dan menyifatkan dedikasi ditunjukkan bekas juruteknik pesawat itu tidak berubah meskipun tidak lagi berkhidmat dalam pasukan tentera.

“Dedikasi tentera bukan ‘kaleng-kaleng’, kisah ini luar biasa dan memberi inspirasi bukan sahaja kepada saya, tetapi juga kepada sesiapa sahaja yang mendengarnya.

“Mereka sentiasa menepati masa, berdisiplin dan setia. Sama seperti ketika mereka berkhidmat kepada negara kita dengan penuh keberanian, mereka membawa dedikasi yang sama ke tempat kerja,” katanya.

Terdahulu, Steven menyampaikan sijil pengiktirafan kepada 25 veteran yang diterima menyertai Micron menerusi program Veteran MyWIRA hasil inisiatif agensi strategik dan badan pemikir Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) yang bernaung di bawah Kementerian Sumber Manusia (Kesuma).

Mohd Daniel yang kini dilantik sebagai penyelia pengeluaran turut berkongsi disiplin tentera sudah sebati dengan dirinya dan dia tekad berpatah balik ke Micron yang dianggap sebagai ‘pangkalan’ paling hampir dalam situasi kecemasan sedemikian.

“Tiada sesiapa mengarahkan saya kembali ke Micron, tetapi kerana saya masih boleh bergerak saya membuat keputusan itu dan hanya menggunakan apa yang pernah dilatih ketika berada dalam perkhidmatan dahulu.

“Saya selamat tiba di tempat kerja, tetapi akhirnya pengsan di hadapan klinik syarikat yang terletak dalam bangunan kilang dan kemudian dibawa ke hospital menggunakan ambulans.

“Saya dirawat di hospital selama tiga hari dan bercuti sakit selama dua minggu, mujur tiada tulang patah dengan semua kos perubatan ditanggung syarikat,” kata lulusan Diploma Teknologi Elektronik Industri dan Radar itu.

Bagi S Ruteradevan, 45, yang turut dilantik sebagai penyelia pengeluaran, peluang yang diberi begitu bermakna memandangkan pesara tentera sepertinya lazimnya ditawarkan pekerjaan dalam bidang keselamatan.

Dia yang kali terakhir bertugas sebagai jurulatih dalam Kor Armor Diraja (KAD) Tentera Darat Malaysia (TDM) berkata, ramai antara bekas tentera mempunyai pelbagai kemahiran dalam pelbagai bidang, namun kebanyakan mereka hanya ditawarkan bekerja dalam bidang keselamatan selepas bersara.

“Rasa bertuah ada pendapatan stabil dan ini pekerjaan pertama saya selepas bersara Disember tahun lalu.

“Walaupun berasal dari Taiping, Perak saya sanggup bawa keluarga berpindah ke Nibong Tebal, di sini kerana sudah sering meninggalkan mereka selama 21 tahun dalam perkhidmatan.

“Jadi, selepas bersara saya mahu meluangkan lebih banyak masa bersama mereka lagipun sekarang saya bekerja syif empat hari dan tiga hari lagi cuti,” katanya.

Menurut Steven, kumpulan pertama inisiatif Veteran MyWIRA antaranya bekerja sebagai jurutera, penyelia dan juruteknik menerima gaji asas antara RM3,000 hingga RM4,000 selepas menyelesaikan program latihan selama tiga bulan di Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) dan Pusat Kecemerlangan Walta (Walta COE).

Beliau turut mengumumkan empat lagi syarikat bersetuju mengambil bahagian selepas Micron selaku perintis laluan kerjaya baharu untuk golongan pesara tentera ialah FedEx, Western Digital, Walta COE dan Hilton Malaysia.

“Kejayaan mereka menjadi teladan yang baik kepada veteran dan syarikat lain untuk turut serta membantu memudahkan peralihan pesara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam kerjaya berkualiti membabitkan sektor swasta.

“Veteran kita sudah ada disiplinnya, nilai-nilai tinggi dan kemahiran semasa dalam perkhidmatan, namun ada cabaran memasuki pasaran kerja, jadi kami akan memberikan latihan tambahan untuk menyesuaikan mereka di syarikat terbabit,” katanya.

Katanya, Micron sendiri menyasarkan 50 peluang pekerjaan ditawarkan kepada veteran tentera pada tahun depan dengan program itu akan dikembangkan ke seluruh negara dengan kerjasama Kementerian Pertahanan melalui Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (Perhebat).

“Saya menyasarkan dalam tempoh tiga tahun kami mampu menyediakan penempatan pekerjaan kepada 5,000 veteran dengan gaji munasabah,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TalentCorp, Thomas Mathew berkata, pihaknya memanfaatkan kepakaran MyMAHIR Future Skills Talent Council (FSTC) dan platform pemprofilan MyNext oleh TalentCorp bagi memudahkan penempatan kerjaya peserta.

“Platform pemprofilan MyNext berfungsi sebagai pangkalan data khususnya untuk sektor Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bertujuan menyesuaikan hala tuju kerjaya wira kita mengikut tahap kemahiran mereka.

“FSTC pula adalah inisiatif yang mana kami menghimpunkan pemain industri dalam sektor tertentu bagi memacu kemahiran tenaga kerja yang diperlukan industri.

“Justeru, menerusi inisiatif seperti Veteran MyWira, TalentCorp bergerak merentasi pelbagai Kementerian, agensi, industri dan akademia dalam usaha memudahkan peralihan kerjaya wira negara kita,” katanya.

Dalam pada itu, Timbalan Presiden Korporat, Pemasangan Dan Pengujian Operasi NAND, Amarjit Sandhu berkata, Micron membentuk semula kemasukan bakat ke dalam industri semikonduktor dalam situasi bakat berkemahiran yang kian berkurangan.

“Kami mengalu-alukan veteran tentera dalam tenaga kerja kami, sekali gus menghargai jasa mereka yang memperkaya pasukan kami dengan pelbagai kemahiran, pengalaman unik tersendiri.

“Sebagai sebuah syarikat semikonduktor global terkemuka, kami amat memerlukan dedikasi, kepimpinan serta ketahanan mereka yang akan menjadi aset tidak ternilai dalam membantu kami membina tempat kerja lebih inklusif dan dinamik,” tambahnya.

Naib Presiden Micron, Ramu Iyer pula berkata, pihaknya mengiktiraf kemahiran dan pengalaman veteran tentera termasuk memiliki disiplin dan etika kerja kukuh dan matlamat syarikat itu adalah untuk mewujudkan persekitaran supaya ciri-ciri terbabit boleh berkembang maju.

“Sejak beberapa bulan lalu, kami melihat kemajuan memberangsangkan dengan mereka bukan sahaja dapat menyesuaikan diri dengan cemerlang, malah membawa perspektif baharu serta penyelesaian inovatif kepada operasi kami,” katanya.



STEVEN (kiri) menyerahkan sijil penyertaan dan lencana program Veteran MyWIRA kepada Mohd Daniel pada Majlis Pengiktirafan Kohort Pertama Veteran MyWIRA.



RUTERADEVAN



STEVEN berucap pada Majlis Pengiktirafan Kohort Pertama Veteran MyWIRA.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

| | |
|---|---|
| **Akhbar** | **The Star** |
| **Tarikh** | **9 Oktober 2024** |
| **Ruang** | **Views** |
| **Muka Surat** | **16** |

THE Star the people's paper

# Strategies to promote mental well-being at work

OCTOBER 10 has been observed as World Mental Health Day since 1992. The theme for this year, "It is Time to Prioritise Mental Health in the Workplace", is especially relevant given that the number of workers in Malaysia in the first quarter of 2024 was 16.96 million, according to the Department of Statistics Malaysia (DOSM).

Mental wellness correlates with productivity. Data from the World Health Organisation (WHO) indicates that mental health issues result in the loss of 12 billion working days and US$1 trillion annually.

According to a March 2023 study conducted by Remote, a global human resource services company, Malaysia was ranked second worst in terms of work-life balance among 60 countries.

As such, it is crucial that we pay attention to our mental health in the workplace.

Some of the benefits of promoting good mental health at the workplace are:

> Better focus, which results in better quality work;

> Less absenteeism, more motivation, and commitment;

> Improved teamwork, team dynamics, and communication among employees, all of which contribute to a harmonious working atmosphere. It also creates a sense of belonging;

> A greater rate of staff retention, which lowers the cost of hiring and training; and

> Lower healthcare costs, as poor mental health can affect an employee's physical condition.

Strategies to maintain good mental health among employees include:

1. Enabling managers to attend workshops to gain knowledge on how to recognise symptoms of mental ill health, and offering emotional support through active listening.

2. Encouraging employees to reach out and talk about their mental health struggles by promising confidentiality.

3. Allocating a specific budget for carrying out initiatives to improve mental well-being in the workplace. Create policies prioritising mental health in aspects such as working hours, workload, workplace environment, and equal opportunities. Make sure that the policies are implemented and enforced.

4. Allowing flexible working arrangements based on suitability. This will enable employees to maintain a better work-life balance.

For free and confidential emotional support, you can contact Befrienders KL at 03-76272929 (24 hours) or sam@befrienders.org.my. There is also Talian HEAL by the Health Ministry at 15555 (8am till midnight).

**TAN SRI LEE LAM THYE**
**Patron**
**Befrienders KL**